

12/06/2000

Chechnya minta Mahathir jadi perantara rundingan

KUALA LUMPUR, Ahad - Presiden Chechnya Aslan Maskhadov hari ini meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi orang tengah bagi memulakan proses rundingan antara Rusia dan Chechnya.

Maskhadov juga meminta sokongan moral rakyat Malaysia.

"Saya berbesar hati jika Dr Mahathir yang amat dihormati itu, dapat membawa kedua-dua pihak yang bertelagah, Chechnya dan Russia, untuk memulakan proses rundingan," katanya dalam satu temubual eksklusif dengan Bernama dari tempat persembunyiannya di pergunungan Chechnya.

Presiden itu berkata, beliau cuba menghubungi Dr Mahathir tetapi tidak berjaya kerana keadaan buruk pada medan perang seperti tiada kemudahan telefon dan mesin faks.

"Saya harap melalui cara ini, Perdana Menteri akan memberi jawapan," katanya.

Maskhadov juga berharap pada masa depan, Malaysia dan Chechnya boleh menjalin hubungan dua hala berdasarkan persefahaman dan rasa hormat menghormati tetapi berkata beliau menyedari bahawa Rusia mungkin menjadi masalah bagi merealisasikan objektif itu.

"Saya pasti, apabila kita mewujudkan hubungan dengan Rusia, kami boleh menjalin hubungan baik dengan Malaysia.

"Saya harap rakyat Malaysia tidak akan menghadapi nasib yang sama seperti rakyat Chechen. Saya harap mereka tidak akan melalui pengalaman yang dideritai oleh rakyat Chechen yang berhadapan dengan serangan dari Rusia.

"Saya harap tidak ada sesiapa yang mengajar rakyat Malaysia bagaimana menjalani penghidupan mereka," katanya.

Maskhadov yang pernah ke Kuala Lumpur beberapa tahun lalu, menyifatkan Malaysia "sebuah negara yang menakjubkan dengan penduduknya yang baik."

Katanya, bagi menyelesaikan konflik yang mengorbankan banyak nyawa dan harta benda, kedua-dua pihak yang bertelagah mesti menghentikan peperangan dan memulakan proses rundingan.

Tetapi pemimpin Chechnya itu mengingatkan Rusia supaya tidak menganggap bahawa tawarannya untuk berunding sebagai tanda beliau lemah, sambil menegaskan bahawa "kami tidak lemah, tetapi inilah tindakan yang tepat."

(END)